

**YAA . DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN MD. YUNOS
KETUA HAKIM SYARIE
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH PAHANG
UCAPAN BERSEMPENA TAHUN BARU 2018
PADA 02 JANUARI 2018**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Bersyukur kehadiran Allah S.W.T dengan limpah Rahmat dan izinNya serta InayahNya kita telah melangkah ke tahun baru 2018 Masihi dan meninggalkan pelbagai kenangan 2017.

Alhamdulillah, Allah masih memberi ruang dan peluang untuk kita mengecapi dua nikmat yang teragung dalam hidup kita, iaitu nikmat Iman dan Islam. Begitu juga nikmat-nikmat kurniaan Allah yang lain berupa kerjaya, keluarga, kesihatan, kecukupan waktu dan pelbagai lagi nikmat-nikmat lain yang tiada tandingannya.

Pantas tahun 2017 meninggalkan kita semua, inilah masanya untuk kita semua memperbaiki dan bermuhasabah kembali atas apa yang telah kita lakukan pada tahun sebelumnya, adalah perlu kita menilai kembali kelemahan-kelemahan yang telah kita lakukan dan seterusnya memperbaiki diri pada tahun 2018 ini demi menjadikan kehidupan kita lebih bermakna dan diri kita mampu menyumbang kepada Agama Islam khususnya, Negara, dan Ummah.

Tentu sekali setiap individu di Jabatan Kehakiman Syariah Pahang (JKSP) sepanjang tahun 2017 dapat mengesan apa-apa kelemahan yang ketara dalam menjalankan tanggungjawab kita dan marilah kita berazam untuk memperbetulkan segala kelemahan dan kesilapan tersebut.

Islam sendiri telah mengingatkan kita agar hari-hari yang kita lalui selalu menjadi hari yang lebih baik dan bermanfaat dari sebelumnya. Seperti yang terdapat dalam ayat Al Qur`an surat Al Hasyr ayat 18 yang berbunyi;

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا تَعْمَلُونَ

“ Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kepada Allah dan hendaklah setiap orang memperhatikan apa yang telah diperbuatnya untuk hari esok (akhirat), dan bertakwalah kepada Allah. Sungguh, Allah Maha teliti terhadap apa yang kamu kerjakan.”

Surah Al-Hasyr : Ayat 18

Pada tahun 2018 ini, saya selaku Ketua Hakim Syarie menyeru semua kakitangan JKSP agar sentiasa kekal positif dan yakin bahawa dengan iltizam tahun 2018 ini, akan menjadikan Mahkamah Syariah di Pahang terus maju selari dengan matlamat dan halatuju serta usaha yang lebih gigih dalam melaksanakan Visi dan Misi Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pahang. Saya juga berharap agar sebarang kes yang tertunggak tahun-tahun sebelum ini dapat diselesaikan dengan segera.

Harapan lain adalah supaya Iman dan takwa kita menjadi lebih kuat, rezeki lebih lancar dari tahun sebelumnya dan semua urusan kerja kita dinilai Ibadah oleh Allah S.W.T.

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ ^ط وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ

وَالشَّهَادَةِ فَيُنَبِّئُكُمْ بِمَا كُنْتُمْ تَعْمَلُونَ ﴿١٠٥﴾

"Dan Katakanlah (Wahai Muhammad): Beramallah kamu (akan Segala Yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang Yang beriman akan melihat apa Yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) Yang mengetahui perkara-perkara Yang ghaib dan Yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa Yang kamu telah kerjakan".

Surah at-Taubah: 105

Ayat ini menyatakan kepada kita semua beberapa perkara. **Pertama**, kita dapat fahami bahawasanya Allah S.W.T akan sentiasa memantau dan memerhatikan setiap detik, saat dan minit pekerjaan yang kita lakukan sepanjang masa. **Kedua**, setiap pekerjaan yang kita lakukan tidak kira sama ada baik atau buruk akan dibalas oleh Allah S.W.T seadil-adilnya.

Tahun 2018 sudah mula membuka lembaran dan buku baru dalam hidup kita, Bukan sekadar itu, angka 2018 juga telah menjadi tanda aras kepada usia JKSP yang telah menjangkau hampir ke-23 tahun sejak penubuhannya.

Selaku Ketua Hakim Syarie Negeri Pahang dan kakitangan JKSP turut merakamkan jutaan terima kasih kepada kerajaan negeri Pahang yang bersama-sama berusaha menaikkan nama JKSP dengan sumbangan bagi membangunkan Mahkamah baru di daerah Bera dan Maran, Insya-Allah akan diikuti dengan beberapa daerah yang lain termasuklah di Bentong dan Temerloh. Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada Kerajaan Persekutuan melalui Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) yang telah memperuntukkan dana kepada JKSP untuk merealisasikan hasrat JKSP untuk mempunyai dan memiliki bangunan Ibu Pejabat JKSP yang baru pada 2017 walaupun ianya tergendala atas beberapa faktor. Pembinaan bangunan ini adalah juga merupakan suntikan semangat kepada kami warga JKSP untuk terus memberikan yang terbaik. begitu juga dengan kerjasama dari Setiausaha Kerajaan Pahang dalam pengisian jawatan-jawatan Pegawai Syariah dan kakitangan sokongan kepada Jabatan ini dalam memastikan kelancaran dan kecekapan dalam pengurusan organisasi ini.

Saya juga selaku Ketua Jabatan ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada kakitangan JKSP yang berada di seluruh negeri Pahang yang telah bertungkus lumus memastikan segala urusan kerja berada di tahap yang lebih baik dan lancar.

Untuk itu, kita semua perlu memperbaharui tekad dan keazaman untuk terus berkerja dengan lebih efektif dan inovatif, saya juga berharap agar semua kakitangan JKSP dapat meningkatkan mutu perkhidmatan agar benar-benar mencapai ke tahap maksimum dan memperbaiki segala kelemahan yang ada ini bertepatan dengan slogan dan moto JKSP sendiri iaitu "**Syariah Asas Keadilan**".

Saya juga menyeru kepada semua samaada Peguam Syarie, Pihak Pendakwaan, Pihak Penguatkuasaan , pihak peguam Jabatan Bantuan Guaman, atau pihak-pihak yang terlibat dengan institusi Mahkamah ini untuk sama-sama memartabatkan institusi Mahkamah Syariah ini sebagai asas keadilan. Tahun 2018 dan tahun-tahun mendatang pastinya menjanjikan cabaran yang lebih besar. Oleh yang demikian peranan Peguam Syarie sudah tentu diperlukan oleh pihak-pihak yang berkenaan. Begitu juga peranan Pegawai Penguatkuasa Agama dan Pendakwa Syarie dalam menguatkuasa setiap undang-undang dan pendakwaan di Mahkamah Syariah agar hukuman di Mahkamah syariah menepati syara' dan undang-undang, ini bertepatan dengan slogan dan moto JKSP iaitu "**Syariah Asas Keadilan**".

Sebelum saya mengakhiri ucapan, Saya berdoa agar kakitangan Jabatan Kehakiman Syariah Pahang sentiasa diberkati dan dirahmati Allah S.W.T sepanjang menjalankan tugas pada tahun 2018 dan tahun-tahun seterusnya, mudah-mudahan kita semua akan sentiasa dilindungi oleh Allah S.W.T Aamiin.

Selamat Tahun Baru 2018.

كل عام وأنتم بخير

*Wabillahittaufiq wal hidayah, wassalamualaikum
warahmatullahi wabarakatuh.*

Wallahu a' lam.

**YAA. DATO' SRI HAJI ABDUL RAHMAN BIN MD. YUNOS .,
SSAP., DIMP., SMP., PKC.**

02 JANUARI, 2018

BERSAMAAN 14 RABIULAKHIR 1439H.